

21/10/1998

Cermin diri sebelum kritik: PM

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu mereka yang membuat kritikan terhadap Malaysia, terutama berhubung isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, mencerminkan diri sendiri terlebih dahulu.

Menurut Perdana Menteri, hal ehwal dalam sesebuah negara tidak harus menerima campur tangan pihak lain.

"Sejauh yang berkaitan dengan Indonesia dan Filipina, mereka boleh melahirkan pendapat mereka. Saya tidak ada kuasa untuk melarang mereka. Kita tidak masuk campur dalam hal ehwal mereka.

"Kita terpaksa melihat pada diri sendiri sama ada kita layak untuk mengkritik orang lain atau tidak," katanya dalam sidang akhbar anjuran Kelab Kebangsaan Media Jepun di sini hari ini.

Sebelum ini, Presiden Indonesia, B J Habibie dan Presiden Filipina, Joseph Estrada, mengaitkan kehadiran mereka pada persidangan kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan dengan layanan kerajaan terhadap Anwar.

Laporan dari Manila menyebut, Estrada akan menghadiri sidang kemuncak itu walaupun beliau telah mengkritik layanan terhadap Anwar serta menyambut baik tawaran Dr Mahathir dalam lawatannya ke sini untuk membenarkan beliau mengunjungi Anwar di penjara.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua presiden itu mempunyai hak untuk melahirkan pendapat mereka mengenai perkara itu tetapi tidak untuk campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia.

"Terserahlah kepada mereka untuk membuat keputusan sama ada mahu hadir atau sebaliknya. Saya sendiri tidak hadir pada sidang kemuncak Apec di Seattle (1993). Tetapi orang lain hendaklah juga menilai diri mereka sendiri sama ada mereka layak untuk mengkritik kami," kata Perdana Menteri.

Mengenai agenda di persidangan Apec pada 17 dan 18 November ini, Perdana Menteri berkata, antaranya ialah mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh Asia Tenggara dan rantau pasifik.

"Ini akan menjadi fokus utama. Malaysia sudah tentu akan menyentuh mengenai perdagangan mata wang. Oleh itu, saya menjangka kita akan membincang perkara ini secara mendalam dan ia diharap berupaya mencapai persefahaman mengenai kaedah menangani masalah ini," katanya.

(END)